

# **Tingkhalku Maklumat Dikalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia**

Abdul Razak Idris & Hairul Anas Zakaria  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini adalah untuk mengetahui tingkhalku maklumat dikalangan pelajar sarjana muda. Ianya merangkumi aspek keperluan maklumat, penggunaan perpustakaan, sikap dan strategi dalam mendapatkan maklumat, sumber pilihan maklumat dan sebagainya. Instrumen yang dipilih dalam menjalankan kajian ini adalah melalui soal selidik. Sebanyak 225 orang responden telah menjawab soalan selidik ini yang mana ianya daripada 41.8% lelaki dan 58.2% perempuan. Hasil kajian menunjukkan responden adalah mahasiswa yang sistematik dan teratur. Mereka menggunakan pelbagai sumber dalam mendapatkan maklumat. Mereka menetapkan langkah kerja dahulu sebelum mendapatkan maklumat. Responden juga memilih sumber internet sebagai sumber utama rujukan mereka. Disamping itu peminjaman buku di PSZ juga adalah salah satu cara yang utama dalam mendapatkan maklumat. Strategi utama dalam mendapatkan maklumat adalah dengan berbincang dengan rakan-rakan sebelum mencari maklumat. Walaubagaimanapun mereka menganggap bahawa urusan peminjaman bahan maklumat di PSZ adalah penghalang dalam mendapatkan lebih maklumat mereka

*Katakunci :* tingkhalku maklumat, pelajar sarjana muda pendidikan

## **Pengenalan.**

Dewasa kini adalah merupakan zaman teknologi maklumat. Ini menunjukkan bahawa maklumat merupakan sumber yang penting dalam peredaran masa kini. Maklumat juga menjadikan sesebuah negara itu maju dan menjadi nadi penggerak kearah pembangunan sesebuah Negara. Ia juga dapat melahirkan masyarakat yang celik pengetahuan dan masyarakat yang berilmu. Walaubagaimanapun, masyarakat mahupun individu perlulah menggunakan kemajuan maklumat ini dengan sebaik yang mungkin. Kemajuan maklumat ini perlulah diaplikasikan dan dimanfaatkan kerana ianya menjamin kearah pembentukan sesebuah Negara yang cemerlang.

Walaubagaimanapun, keperluan maklumat ini adalah berbeza dengan tahap keperluan individu masing-masing. Antara golongan yang memerlukan keperluan maklumat yang tinggi adalah pelajar Universiti. Mereka ini adalah golongan yang banyak menggunakan maklumat dalam menyiapkan tugas mereka. Keperluan maklumat mereka adalah tinggi (Abdullah 2000) Golongan ini perlu berusaha dalam mendapatkan maklumat untuk keperluan mereka masing-masing. Pelajar universiti terutamanya di peringkat akhir pengajian perlu menyiapkan penyelidikan mereka. Oleh yang demikian maklumat adalah penting dalam kehidupan mereka

Keperluan dalam mendapatkan maklumat ini disokong oleh perkembangan tingkhalku maklumat yang pesat. Antaranya adalah seperti kemajuan dalam kemudahan internet, pembangunan teknologi maklumat, peningkatan dalam media komunikasi, kecanggihan media cetak dan sebagainya. Dengan adanya perkembangan kemajuan ini, ianya memudahkan para pelajar mendapatkan maklumat tanpa batasan, Ia juga membantu pelajar ini belajar selaras dengan pembelajaran sepanjang hayat.

Perkembangan kemajuan ini banyak mengubah senario kehidupan para pelajar khususnya pelajar universiti. Ini kerana mereka dapat mendapatkan maklumat dengan mudah dan fleksibel.

Walaupun begitu, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar ini dalam memenuhi keperluan tingkahlaku maklumat mereka. Antaranya adalah masalah kekangan masa, faktor keluarga, masalah individu sendiri dan sebagainya. Selain itu kekangan dari segi penguasaan bahasa inggeris juga menyebabkan pelajar ini sukar mendapatkan maklumat dari sumber internet mahupun bercetak. Pengetahuan yang kurang dalam menggunakan kemudahan perpustakaan juga membantutkan mereka dalam mendapatkan maklumat secara optima.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang kajian, pengkaji ingin membuat kajian tentang tingkah laku dalam mendapatkan maklumat dikalangan pelajar sarjana muda fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

### **Objektif kajian**

Tujuan utama kajian ialah untuk mengetahui tingkahlaku maklumat dan kaitan dengan para pelajar sarjana muda fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengetahui tingkahlaku pelajar dalam mendapatkan maklumat
2. Mengetahui teknik-teknik atau strategi-strategi yang digunakan dalam mendapatkan maklumat
3. Untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi pelajar dalam mendapatkan maklumat
4. Penggunaan Perpustakaan Sultanah Zanariah oleh pelajar dalam memenuhi keperluan maklumat?

### **Kepentingan kajian**

Kajian tingkahlaku maklumat adalah satu kajian yang menjelaskan bagaimana seseorang itu dipengaruhi oleh tingkahlaku ini dalam mendapatkan maklumat mereka. Ianya merupakan satu kajian yang menarik kerana kita boleh mengetahui cara sesuatu individu atau sesebuah kumpulan itu mendapatkan maklumat berdasarkan teori-teori yang terdapat dalam tingkahlaku maklumat.

Oleh yang demikian dengan adanya kajian ini , diharapkan ianya boleh dijadikan sandaran dalam mendapatkan maklumat oleh para pelajar fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Selain itu kajian ini juga adalah penting kerana ianya dapat memberi gambaran yang jelas tentang hubungan tingkahlaku maklumat dikalangan para pelajar fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Dalam erti kata lain , hasilan kajian ini memberi gambaran tentang perilaku tingkahlaku maklumat pelajar . Ia menunjukkan bagaimana pelajar mendapatkan maklumat, strategi mendapatkan maklumat, saluran-saluran yang digunakan dalam mendapatkan maklumat dan masalah-masalah yang dihadapi dalam mendapatkan maklumat . Oleh yang demikian , ianya boleh dijadikan sandaran dalam kajian-kajian di tempat lain berkenaan tingkahlaku maklumat. Pihak Perpustakaan Sultanah Zanariah boleh menggunakan data yang dikumpul untuk membantu pelajar mengatasi masalah pelajar dalam mendapatkan maklumat. Secara tidak langsung, pihak perpustakaan dapat mengatasi kelemahan yang sedia ada

### **Reka Bentuk Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah menggunakan kaedah soal selidik. Menurut Majid Konting (1990) menyatakan soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat

berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, kehendak dan sebagainya. Kaedah ini bersesuaian untuk tujuan kajian ini. Menurut Mohd Majid (1990) kajian yang menggunakan soal selidik adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menceritakan dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis adalah merupakan suatu kajian yang dijalankan sebelum set soalan selidik di gunakan dalam kajian sebenar kepada responden . Kajian ini dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan tahap kebolehpercayaan soal selidik yang akan digunakan. Menurut Majid Konting (1994) kebolehpercayaan memberikan darjah kekekalan dan ketepatan instrument pengukuran yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberikan keputusan yang hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi setara . Selain itu kajian ini juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrument , mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. (Najib 2003)

Oleh yang demikian , satu kajian awal telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai. Responden ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan responden yang sebenar dan mereka tidak akan dipilih lagi untuk menjawab sampel kajian sebenar. Borang soal selidik yang telah dijawab dan dianalisis untuk menentukan keboleh percayaan dan kesahan soal selidik tersebut. Nilai alfa Cronbach yang di perolehi selepas soal selidik tersebut adalah 0.8962

Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan soal selidik yang di jalankan adalah tinggi. Mengikut jadual kekuatan Hubungan Dalam Kaedah Korelasi sumber dari Rowtree 1981 , Nilai ini adalah menunjukkan sangat kuat. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), kajian rintis dijalankan mempunyai kebolehpercayaan soal selidik yang tinggi sekiranya nilai Cronbach-Alpha melebihi .80. Oleh itu, hasil analisis menunjukkan soal selidik berkenaan adalah sesuai digunakan dalam kajian ini.

### **Instrumen Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan instrument berbentuk soalselidik. Ianya diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas daripada sampel. Soalselidik adalah satu instrument yang kerap digunakan kerana menerusi kaedah ini maklum balas daripada responden mudah diperolehi. Menurut Mohd. Najib Ghafar (1999), soal selidik juga selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar

Instrumen kajian menggunakan soal selidik ini diukur menggunakan Skala likert Lima Mata . Ianya menggunakan kaedah lima pilihan jawapan dan setiap skala memberikan maksud seperti berikut:

- 1 - Sangat Tidak setuju
- 2 - Tidak Setuju
- 3 - Tidak Pasti
- 4 - Setuju
- 5 - Sangat Setuju

Bahagian	Item berkenaan
A	Latar belakang responden
B	Penggunaan, strategi dan enjin pencarian maklumat
C	Keperluan Maklumat
D	Sikap dalam Mendapatkan Maklumat
E	Strategi dalam Mendapatkan Maklumat
F	Penggunaan Perpustakaan Sultanah Zanariah Dalam mendapatkan maklumat
G	Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik
H	Proses Pencarian Maklumat
I	Masalah-masalah yang dihadapi Dalam Mendapatkan Maklumat

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama . Bahagian A adalah berkaitan dengan maklumat demografi responden. Manakala bahagian B,C,D,E,F,G,H dan I adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan dengan keperluan maklumat dikalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Dalam menyediakan soal selidik ini, ianya adalah diubah suai dari kajian soal selidik bertajuk “Scholar Information Behaviour” yang dijalankan oleh School Of Information Science, University of Washington dan soal selidik bertajuk “Information Behaviour” yang digunakan dalam projek VEGA di bawah jabatan Library and Information Science Universiti Comenius Brastilova. Ini adalah bagi memastikan instrument dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan mudah di fahami.

Berikut adalah jadual instrument kajian. Bahagian A adalah berkenaan dengan demografi responden iaitu maklumat dan latar belakang responden. Manakala bahagian B,C,D,E,F,G,H dan I adalah item-item berkaitan tingkahlaku maklumat di kalangan pelajar sarjana muda

### **Populasi dan sampel**

Populasi bermaksud sekumpulan objek, benda kejadian ataupun individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kumpulan yang ingin dikaji. Setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi, namun ianya mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama (Rohana Yusof, 2004) Manakala sampel ialah satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji bagi membolehkan kita membuat satu generalisasi berkaitan populasi itu (Rohana Yusof, 2004) Dalam kajian ini keseluruhan sampel adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana muda yang mengikuti pengajian di pelbagai jurusan pendidikan. Penyelidik memilih 581 orang pelajar sarjana muda sebagai populasi . Lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi (mohd Najib Ghaffar 2003)

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan 35 peratus pelajar sarjana muda sebagai responden kajian. Ianya ditentukan berdasarkan jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan. Sampel yang digunakan adalah 225 orang dan ianya dipilih dalam kalangan populasi yang terdiri daripada 581 orang pelajar sarjana muda pendidikan. Ianya dinyatakan dalam jadual berikut :

Kursus	Bilangan pelajar sarjana muda
SPA	20
SPE	22
SPJ	18
SPH	129
SPH ( P )	33
SPT ( P )	20
SPD	57
SPS	21
SPL	35
SPI	50
SPK	21
SPP	16
SPT	29
SPF	22
SPC	26
SPM (FIZIK)	14
SPM ( KIMIA )	14
SPN	34
JUMLAH	581

### Analisis Data Ke Atas Masalah-Masalah Yang Dihadapi

Jadual 1: Rumusan Min dan Sisihan Piawai Bahagian I (Masalah-Masalah Yang Dihadapi)

Bil	Masalah-Masalah Yang Dihadapi Dalam Mendapatkan Maklumat	Min	Sisihan Piawai
1	Masalah Kekangan Masa	2.19	.716
2	Urusan Peminjaman Bahan PSZ Menyusahkan	3.08	1.08
3	Mudah Mencari Bahan B.Inggeris	2.07	.644
4	Terdedah Ancaman Virus	2.51	1.03
5	Kecelaruhan Maklumat	2.32	1.12
Min Keseluruhan		2.02	0.54

Dapatan kajian menunjukkan bahawa urusan peminjaman bahan membebaskan responden dalam mendapatkan maklumat. Ini dapat dilihat dengan min yang tinggi pada kenyataan ini iaitu sebanyak 3.03. Selain daripada itu ancaman virus juga adalah salah satu sebab masalah dalam mendownload bahan maklumat.mereka . Oleh yang demikian responden bersetuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan.

### Perbincangan

Daripada kajian ini, responden lebih suka berbincang dengan rakan-rakan mengenai tugas yang diberikan oleh pensyarah. Ini bermaksud, strategi yang mereka gunakan adalah berbincang bersama rakan-rakan dahulu sebelum mereka mencari maklumat. Ini memudahkan mereka mencari maklumat dalam menyiapkan tugas mereka. Ranking ke 2 adalah berbincang dengan pensyarah. Ini adalah untuk memastikan supaya maklumat yang diperolehi adalah

menepati kehendak pensyarah. Responden juga amat gemar menggunakan kemudahan yang ada di Perpustakaan Sultanah Zanariah dalam mencari maklumat. Ini adalah kerana kedudukan PSZ adalah hampir dengan mereka disamping kemudahan internet yang percuma dan kemudahan ini mencukupi bagi penggunaan responden dalam sesuatu masa.

Berkaitan dengan penggunaan sumber maklumat elektronik, kajian menunjukkan bahawa responden amat gemar menggunakan sumber internet daripada sumber-sumber yang lain. Mereka mengatakan bahawa sumber internet amat mudah dalam mencari maklumat. Ianya juga menjimatkan kos mereka. Ini kerana mereka menggunakan kemudahan Perpustakaan Sultanah Zanariah dalam melayari internet. Dengan kemudahan internet yang cukup memudahkan mereka dalam mencari maklumat mengikut keperluan mereka. Internet adalah salah satu saluran dalam pencarian maklumat yang mudah. Dengan teknologi yang berkembang pesat menjadikan maklumat dapat diterima dan didapati dengan cepat melalui kemudahan internet

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden bijak dalam mencari maklumat. Selepas berbincang dengan rakan-rakan dan pensyarah, mereka merangka kerja pencarian maklumat dengan teratur. Mereka menentukan tajuk atau bahan dahulu sebelum mencari maklumat. Ini dapat menjimatkan masa dan memudahkan mereka dalam mencari maklumat. Mereka juga menetapkan langkah-langkah kerja supaya pencarian maklumat mereka sistematik. Mereka juga mencari maklumat daripada umum kepada spesifik. Ini menambah kefahaman terhadap maklumat yang mereka terima.

Dapatan analisa kajian menunjukkan responden mengatakan urusan peminjaman bahan-bahan di PSZ menyukarkan responden. Ini memberikan min sebanyak 3.03. Responden juga berpendapat bahawa komputer atau laptop mereka terdedah kepada ancaman virus. Responden juga mengakui pelbagai mereka menghadapi kecelauan maklumat apabila merujuk kepada pelbagai maklumat

## **Rujukan**

- Association of Research Libraries (n.d) ARL Supplementary Statistic 1999 – 2000. Retrieve 2 December, 2005 From <http://www.arl.org/stats/sup/sup00.pdf>
- Burnkrant R.E 91986) A Motivational model of information-processing intensity. *Jurnal Of Consumer Research*,3, 21-30
- Crosby, O (2001) Librarian:Information expert in the information experts in the information age.*Occupational Outlook Quaterly*, 44(4), 2-15
- Dervin, B & Nilan,M (1986) Information needs and the uses,annual Review of Information science and Tecnology,Vol.2 Ed, M.eE. Williams. New York:Knowledge Industry Publication, 3-33
- Ellis, D. (1993).Modelling the Information Seeking Pattern of Academic researchers *Libraray Quaterly* 63 (4): 469:486
- Hoglund, L.& Thorsteindottir, G.(1996) Students and theuniversity librry.Atitudes to and use of libraries among students and faculty 4: 29-42.
- Ingwersen, P.(1996) Information science in the context.From the development of the disciplines to the social Interaction.Oslo: Scandinavian university Press, 69- 111
- Kulthau, C. C (1991) Inside the search proses : Information seeking from the user's perspective. *Journal of American Society for Information Science*, 42(5), 3611- 371
- Majid, S,&Ai, T.T.(2002) Usage of information resource by compute engineering students: A case study of nanyang teknologi University, Singapore. *Online Information review* 26(5),318-225

- Reneker M (1992) Information Seeking among members of academic community.DLS thesis.New York.Columbia University.
- Schau T (2001) Internet Use:here, there and everywhere.Occupational outlook quaterly 44 (4) 40-47.
- Sethi, A. 1990 Information Seeking behaviour of sosial scientist:an indian conspectus New Delhi:Hindustan Publishing Corporation
- Wilson T D (2000) Human Information Behaviour .Information Science 3 (2),49-55
- Zondi L E (1992) Library use skill and information-seeking pattern of first year students at the University of Zululand,South Africa,